

**SOALAN NO. 18****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN RAMKARPAL SINGH  
A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

**TARIKH :** 28 NOVEMBER 2017

**SOALAN :**

**YB Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membentangkan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk mengatasi masalah "unilateral conversion" dan sekiranya tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

23

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan agama seseorang yang berumur di bawah lapan belas tahun untuk tujuan ajaran sesuatu agama atau pengambilan bahagian dalam apa-apa upacara sesuatu agama diperuntukkan di bawah Fasal (3) dan (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

"Hak berkenaan dengan pendidikan

...

12. (3) Tiada seorang pun boleh dikehendaki menerima ajaran sesuatu agama atau mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau upacara sembahyang sesuatu agama, selain agamanya sendiri.

(4) Bagi maksud Fasal (3) agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.

Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama Fasal (3) tersebut memperuntukkan bahawa agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.

Diperhatikan bahawa penetapan agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun oleh "ibu atau bapa" ("parent") telah menjadi isu dalam

beberapa kes terutamanya kes yang berkaitan dengan penukaran agama salah seorang daripada ibu atau bapanya.

Mahkamah Persekutuan dalam kes ***Subashini a/p Rajasingam v Saravanan a/l Thangathony and other appeals [2008] 2 MLJ 147*** telah sebulat suara memutuskan bahawa perkataan “parent” di bawah Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan adalah bermaksud “a single parent”. Ini bermaksud salah seorang (ibu atau bapa) mempunyai hak untuk menukar agama anak di bawah perkahwinan pasangan tersebut. Mahkamah Persekutuan memutuskan yang berikut:

*“In all the circumstances, we are of the view that in the wider interests of the nation, no infant shall have the automatic right to receive instructions relating to any other religion than his own without the permission of the parent or guardian.”*

Oleh itu, berdasarkan tafsiran yang diberikan oleh Mahkamah, Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan membenarkan *unilateral conversion* yang salah seorang daripada ibu atau bapa boleh menukar agama anak yang berumur di bawah lapan belas tahun pasangan tersebut.

Berdasarkan penjelasan di atas, sebarang pindaan kepada Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan perlu dikaji secara teliti sebelum apa-apa keputusan dasar berkaitan perkara ini dapat dibuat oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[PUTATAN]**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN : 19**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) apakah sebab utama berlakunya kelewatan yang kerap, jadual penerbangan Malaysia Airlines System - MAS; dan
- (b) apakah ianya disebabkan masalah teknikal, usia pesawat, pengurusan atau kakitangan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Malaysia Airlines Berhad (MAB) sebab utama berlakunya kelewatan yang kerap kepada jadual penerbangan yang dikenal pasti adalah masalah teknikal yang berlaku seperti kerosakan pesawat atau gangguan pada system / peralatan penerbangan memandangkan aspek keselamatan penumpang menjadi keutamaan MAB dalam menyediakan perkhidmatan.
- (b) Sebab-sebab lain yang turut menyumbang kepada berlakunya kelewatan penerbangan adalah seperti berikut:
  - (i) Kelewatan perkhidmatan pengendali darat (*ground handling*) seperti pengurusan penumpang dan kargo, katering dan pengisian bahan api pesawat;
  - (ii) keadaan cuaca yang tidak menentu seperti hujan lebat dan pergerakan angin yang kuat yang boleh mempengaruhi keselamatan operasi penerbangan;
  - (iii) pemunggahan keluar bagasi bagi penumpang yang telah mendaftar masuk (*check-in*) tetapi tidak menaiki pesawat (*no-show check-in passenger*);
  - (iv) kesesakan ruang udara pada masa tertentu; dan

- (v) lain-lain faktor seperti penutupan landasan atau *taxisway* atas sebab-sebab penyelengaraan dan kerosakan.